



**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO
“MELAKA BERWIBAWA” TAGLINE “PINTAR,HIJAU,BERSIH”**

1. BUTIRAN PESERTA

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jantina : Lelaki / Perempuan

Bahagian / Jabatan / Unit / Agensi / Institusi :

Alamat :

.....

.....

Emel :

No. Telefon :

2. PERAKUAN PESERTA

Adalah saya dengan ini memperakui bahawa penyertaan saya ini adalah asli dan tidak pernah dihantar ke mana-mana pertandingan seumpamanya sebelum ini.

Saya juga faham bahawa saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan ini. Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik Kerajaan Negeri Melaka sepenuhnya dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Nota : Sila kembalikan borang yang telah lengkap diisi ke Urus setia berserta rekaan logo.

PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO “MELAKA BERWIBAWA” TAGLINE “PINTAR, HIJAU, BERSIH”.

Kerajaan Negeri Melaka berhasrat untuk mencipta logo yang menjadi identiti serta tanda pengenalan imej pentadbiran baru Kerajaan Negeri dan diguna pakai dalam kesemua aktiviti pameran atau percetakan dan dalam mana-mana acara atau majlis rasmi Jabatan.

lanya selaras dengan peranan serta hala tuju baharu Kerajaan Negeri dalam mengangkat martabat kewibawaan Negeri Melaka.

1. OBJEKTIF PERTANDINGAN

Memberi peluang kepada masyarakat untuk mengambil bahagian mewujudkan logo baharu “Melaka Berwibawa” tagline “Pintar, Hijau, Bersih”.

2. SYARAT PERTANDINGAN, SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO DAN BORANG PENYERTAAN

2.1. Syarat dan Terma Pertandingan

- a) Penyertaan adalah percuma dan terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.
- b) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
- c) Semua ciptaan mestilah asli dan tidak dceduk / ditiru / diciplak dari mana-mana logo tempatan mahupun dari luar negara.
- d) Semua logo yang diterima oleh Urus Setia Pertandingan Mereka Cipta Logo akan menjadi hak milik Kerajaan Negeri dan tidak boleh dikembalikan. Kerajaan Negeri berhak ke atas logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi Kerajaan Negeri.
- e) Ahli Jawatankuasa Pertandingan, Panel Pengadil dan keluarga tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- f) Penganjur berhak menambah sebarang peraturan yang diperlukan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.
- g) Pemenang akan menerima hadiah tunai beserta sijil penyertaan.

2.2. Spesifikasi Reka Bentuk Logo

- a) Reka bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap menyentuh sensitiviti dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
- b) Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan saiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm) dalam bentuk *softcopy* menggunakan format AI (Adobe Illustrator) dan JPEG resolusi minimum 1280 x 960 sahaja.
- c) Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan dalam Bahasa Melayu.
- d) Reka cipta logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi lima (5) warna.
- e) Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

2.3. Borang Penyertaan

- a) Setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan.
- b) Penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk *softcopy* melalui:
 - Emel : melakaberwibawa@gmail.com (dalam format .ai dan .jpeg)
 - Penyertaan dibuka mulai **10 Julai 2018 (Selasa) hingga 6 Ogos 2018 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.**
 - Sebarang penyertaan yang diterima selepas 6 Ogos 2018 (Isnin), jam 12.01 tengah hari tidak akan dilayan oleh pihak Urus Setia.

3. HADIAH PERTANDINGAN

Hanya satu reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini. Pemenang hanya layak menerima satu hadiah tunai dan sijil penghargaan sahaja.

4. PANEL PENILAI

- 4.1. Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dibentuk berasingan.
- 4.2. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan muktamad oleh Panel Penilai.

- 4.3. Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- 4.4. Panel Penilai berhak mengubah suai dan meminda reka bentuk logo yang disertai, sekiranya perlu.
- 4.5. Logo yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi hak milik Kerajaan Negeri Melaka.

5. HADIAH

- 5.1. Pemenang utama akan menerima wang tunai RM5,000.00 dan sijil penyertaan berserta tawaran penginapan percuma satu malam di Seri Bendahara untuk 2 orang.
- 5.2. Sebanyak 10 pemenang saguhati akan menerima wang tunai RM500.00 dan sijil penyertaan.
- 5.3. Semua pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon atau surat atau emel.
- 5.4. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan menjelang sambutan Hari Kebangsaan tahun 2018.